

SIARAN AKHBAR

S.A. 2024/05/29_13 (HQ)

MAJU DENGAN GET: PILIHAN PINTAR UNTUK PERNIAGAAN LESTARI

- Tingkatkan penarafan ESG anda dan tarik lebih ramai pelabur dengan komitmen terhadap kelestarian melalui GET.
- Mencapai 100% tenaga elektrik hijau dengan tambahan 3 sen setiap kWj, yang diperakui Sijil Tenaga Baharu Malaysia (mREC).
- Nikmati kadar stabil tanpa yang tiada kesan oleh turun naik harga bahan api, dengan pembaharuan tahunan automatik, tertakluk kepada semakan kerajaan.
- Langgan sebelum 31 Mei 2024 untuk bolehkan langganan mulai 1 Januari 2024, sekali gus penuhi sasaran kelestarian tahun semasa.

Sejak pembukaan langganan pada 3 Mei 2024, program Tarif Elektrik Hijau (GET) mendapat sokongan menggalakkan dengan menerima lebih 40% langganan, kebanyakannya daripada sektor perindustrian dan komersial seperti pembuatan, penjagaan kesihatan, peruncitan dan perkhidmatan kewangan, serta institusi kerajaan.

Pengarah Urusan TNBX, anak syarikat milik penuh **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**, Ir. Mohd Razif Abd Halim berkata, GET adalah penyelesaian inovatif untuk perniagaan yang komited kepada kelestarian dan meningkatkan penarafan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) mereka.

"Sambutan yang menggalakkan ini mencerminkan peningkatan komitmen terhadap kelestarian merentasi pelbagai industri. Dengan melanggan GET, syarikat boleh memastikan 100% tenaga elektrik hijau digunakan untuk operasi mereka, yang diperakui Sijil Tenaga Baharu Malaysia (mREC)."

Kenapa Pilih GET?

- Tingkatkan Penilaian ESG Anda: Tingkatkan kelayakan kelestarian syarikat anda untuk menarik lebih ramai pelabur dan pemegang kepentingan.
- Tenaga Hijau Mampu Milik: Untuk premium tambahan hanya 3 sen setiap kWj, perniagaan besar boleh mencapai 100% tenaga elektrik hijau.
- Kadar Stabil: Nikmati kadar GET tetap, tidak terjejas dengan turun naik harga bahan api global, dengan pembaharuan tahunan automatik, tertakluk kepada semakan kerajaan.
- Mengundurkan Tempoh Langganan Anda: Langgan sebelum 31 Mei 2024, dan anda boleh mengundurkan tempoh langganan GET kepada 1 Januari 2024, membantu anda mencapai sasaran kemampanan tahun semasa.



S.A. 2024/05/29_13 (HQ)

Menurut Razif, malah syarikat yang mempunyai sistem solar PV sedia ada pun memilih GET untuk memastikan operasi mereka 100% hijau.

"Dengan melanggan GET, perniagaan dapat mengurangkan jejak karbon mereka secara signifikan dan meningkatkan penarafan ESG, menjadikan mereka lebih menarik kepada pelabur. Dengan sijil mREC dan pematuhan kepada Standard REC Antarabangsa (I-REC), GET menyediakan akses kepada elektrik hijau yang boleh dipercayai dan diiktiraf di peringkat global."

Mendukung Aspirasi Sifar Bersih Malaysia

Program GET adalah komponen penting dalam strategi peralihan tenaga Malaysia, menyumbang secara langsung kepada matlamat sifar bersih 2050 negara. Hasil dari program ini akan digunakan untuk membantu inisiatif meningkatkan kapasiti tenaga boleh baharu, seperti Skim Insentif Solar untuk Rakyat (SolaRIS) yang diperkenalkan oleh Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) pada 27 Mac 2024.

Untuk melanggan GET, pelanggan TNB boleh melawat Portal myTNB di www.mytnb.com.my. Untuk maklumat lanjut mengenai langganan GET dan Soalan Lazim (FAQ), lawati laman web TNB di www.tnb.com.my/get atau hubungi TNB CareLine di 1-300-88-5454 atau emel tncareline@tnb.com.my.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 29 Mei 2024, jam 10:45 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 / Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731
atau emel: media@tnb.com.my*

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Tenaga Nasional Berhad (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti Malaysia terkemuka di Asia dengan jejak antarabangsa di United Kingdom, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Cambodia. Dalam bidang Tenaga Boleh Baharu setakat Disember 2023, TNB memiliki kapasiti bekalan elektrik berjumlah 3,119MW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2,536.1MW hidro besar) dan 908MW di seluruh UK, Australia dan Turkiye yang meliputi penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Di samping menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 December 2023, TNB membekalkan elektrik kepada kira-kira 10.9 juta pelanggan.

Mengenai TNBX Sdn Bhd

TNBX ialah anak syarikat milik penuh TNB yang menumpukan pada solusi 'melangkaui meter'. TNBX menyasarkan untuk menyediakan lebih banyak cadangan nilai kepada pelanggan melalui penyelesaian pintar dan inovatif terutamanya dalam Tenaga Boleh Baharu (TBB) dan Kecekapan Tenaga. Ini dilakukan melalui penyediaan penyelesaian pusat sehenti kepada pelanggan dan negara seperti Perjanjian Bekalan – Tenaga Boleh Baharu (SARE), Sijil Tenaga Boleh Baharu Malaysia (mREC), dan platform pengecasan EV. Untuk Tarif Elektrik Hijau (GET), TNBX bertanggungjawab untuk mengeluarkan mREC kepada pelanggan GET, dan memantau, mengurus, meramlal dan mengoptimumkan kuota GET berdasarkan input yang diterima daripada TNB dan Pembeli Tunggal (Single Buyer).

S.A. 2024/05/29_13 (HQ)



THE INTERNATIONAL
REC STANDARD

This Redemption Statement has been produced for

XXXX

by

TNBX SDN. BHD.

confirming the Redemption of

200 000.000000

I-REC Certificates, representing 200 000.000000 MWh of
electricity generated from renewable sources

This Statement relates to electricity consumption located at or in

XXXX

Malaysia

in respect of the reporting period

2024-01-01 to 2024-12-31

The stated Redemption Purpose is

**To Claim the Purchased Electricity is from Renewable Electricity for Emissions
Avoidance under Scope 2 GHG Emissions Reporting**

Ev.



KEMENTERIAN SAINS, KELAYANAN DAN
TEKNOLOGI

MALAYSIA



mREC

Malaysian
Renewable Energy
Certification Scheme



Suruhanjaya Tenaga
Energy Commission



TNBX

Your Trusted Energy Partner



QR Code Verification

Verify the status of this Redemption Statement by scanning the QR code on the left and entering in the Verification Key below

Verification Key

Contoh Sijil Tenaga Boleh Baharu Malaysia (mREC) yang diperakui oleh Standard I-REC boleh diperoleh melalui program Tarif Elektrik Hijau (GET).